



## SIARAN MEDIA

### 'Kisah Wira Kami' Versi Hari Bapa

*Kenali PW II (B) Mohd Shukri, Veteran Komando merangkap bekas Pencarum LTAT dan anaknya yang kini berkhidmat di LTAT.*

**KUALA LUMPUR, 16 JUN 2024** – Sempena Hari Bapa, Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") mempersembahkan 'Kisah Wira Kami', sebuah inisiatif di bawah program 'Demi Wira Kami' untuk mengenang jasa dan pengorbanan para bapa, khususnya anggota Angkatan Tentera Malaysia ("ATM").

Siri 'Kisah Wira Kami' kali ini menampilkan Nur Mahfuzah Mohd Shukri, yang kini berkhidmat di LTAT dan juga ayahnya, Peg. Waran II (B) Mohd Shukri bin Abdullah, yang telah berkhidmat sebagai seorang anggota pasukan Komando ATM. Kejayaan PW II (B) Mohd Shukri dalam menceburi bidang keusahawanan adalah hasil daripada penglibatan awal beliau sebagai salah seorang pencarum. LTAT amat berbangga dapat menjadi sebahagian daripada kehidupan wira-wira negara dan juga keluarga mereka, seperti Cik Mahfuzah, yang bakal menyulam legasi ayahnya bersama aspirasi masa akan datang.

Mengimbas semula kisah-kisah ini, En. Ashraf Radzi, Ketua Eksekutif LTAT, menegaskan, "Komitmen LTAT terhadap anggota ATM bukan sekadar menyediakan perlindungan sosial sahaja, malahan juga memberikan penghormatan tertinggi terhadap pengorbanan dan kisah kehidupan mereka. Di sebalik kegagahan, kegigihan, dan kesetiaan para wira terhadap negara, mereka juga mempunyai kisah kehidupan kekeluargaan yang penuh dengan kasih sayang dan tanggungjawab. Pengorbanan wira negara bukan sahaja untuk diingati, tetapi juga perlu dikongsikan dan diraikan oleh masyarakat umum."

Tambahnya lagi, "kisah-kisah ini bukan sekadar cerita biasa, tetapi merupakan penghargaan terhadap wira negara bagi memastikan legasi mereka terus kekal hingga generasi akan datang."

LTAT komited dengan mandatnya untuk memastikan wang simpanan persaraan anggota ATM terus berkembang agar mereka dapat menjalani kehidupan selesa bersama keluarga selepas bersara dari perkhidmatan ATM. LTAT turut menawarkan pelbagai manfaat tambahan kepada pencarum dan keluarga mereka dalam usaha menyediakan perlindungan sosial menyeluruh termasuk sokongan pendidikan untuk pencarum dan anak-anak, peluang kerjaya kedua, pengurangan kos sara hidup, serta bantuan kebajikan dan kewangan kepada anggota ATM, anak-anak, dan veteran yang memerlukan.

Tonton video 'Kisah Wira Kami' di [Youtube](#).

**Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi**

E-mel : [izzat.alhadjri@ltat.gov.my](mailto:izzat.alhadjri@ltat.gov.my)

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)